

# Peningkatan dalam sistem pendidikan

BH 26/3/12 MS 9.

## Inisiatif untuk rakyat bersaing pada peringkat global



**IMBASAN**  
www.pemandu.gov.my

Oleh Azran Jaffar  
azran@bharian.com.my

**P**ENDIDIKAN adalah teras utama pembangunan sesebuah negara. Ia pemangkin dalam usaha menyediakan generasi masa depan yang lebih global.

Dalam usaha Malaysia menjadi negara membangun dan berpendapatan tinggi pada 2020, Program Transformasi Kerajaan (GTP) Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar merupakan salah satu

tuk menaikkan tingkat kecemerlangan dalam semua sistem pendidikan pada mulanya agak sukar namun ia akhirnya menjadi sesuatu yang sangat berbaloi.

Dengan pelbagai cabaran dihadapi pada peringkat prasekolah juga sekolah rendah dan menengah selain menyediakan peluang pendidikan yang saksama untuk semua rakyat Malaysia, peranan NKRA ini jelas sesuatu yang amat kritikal.

Menteri Pelajaran, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata: "Kementerian menghadapi pelbagai cabaran seperti ketidaksamaan antara sekolah di bandar dan luar bandar sepanjang usaha melaksanakan program di bawah NKRA Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar. Pengajaran yang Kementerian terima daripada semua ini menjadikan Kementerian lebih bersemangat untuk meningkatkan usaha transformasi demi mengukuhkan lagi asas dibina dalam membentuk generasi yang mampu bersaing dalam suasana persekitaran abad ke-21."

Selepas dua tahun, hasilnya adalah amat menggalakkan dan dapat dilihat melalui. Sebanyak 3,089 kelas




Muhyiddin Yassin

di prasekolah bagi kumpulan umur 4+ dan 5+.

Sebagai tambahan, kaedah dalam mengenal pasti tanda-tanda kanak-kanak yang menghadapi masalah pembelajaran dibangunkan dan sejumlah 3,916 pelajar pada peringkat Tahun 2 berjaya dikesan.

Satu daripada pencapaian yang amat berbaloi bagi NKRA ini adalah iltizam menyediakan akses pendidikan yang berkualiti dan berkesan



paian Pelajar yang terletak di bawah naungan Menteri Pelajaran sudah mewujudkan kaedah dalam mencapai objektif ini, dengan memastikan asas kepada pendidikan dibentuk bermula pada peringkat prasekolah.

Objektif NKRA ini adalah meningkatkan kemasukan ke kelas prasekolah bagi memastikan setiap kanak-kanak memperoleh asas ke mahiran numerasi dan literasi selepas tiga tahun berada di sekolah rendah, membangunkan Sekolah Berprestasi Tinggi dan memperbaiki dengan ketara prestasi guru besar dan pengetua melalui pengu rasan prestasi.

Sasaran besar NKRA Memper tingkatkan Pencapaian Pelajar un-

dianggarkan. Sebanyak 3,089 kelas prasekolah diwujudkan pada 2011 dengan kadar kemasukan kini adalah sebanyak 77.2 peratus berbanding 72.4 peratus pada 2010. Kadar literasi dan numerasi di kalangan pelajar Tahun 2 masing-masing berada pada 97.5 peratus dan 98.6 peratus manakala bilangan Sekolah Berprestasi Tinggi meningkat daripada 20 pada 2010 kepada 52 tahun lalu.

NKRA ini juga berjaya memperkenalkan inisiatif baru yang memperbaiki secara keseluruhan peranan pentadbiran dalam sistem pendidikan. Buat pertama kalinya, Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan (SMPK) dibangunkan untuk mengumpul data mengenai prasekolah dan pelajar yang mendaftar

didikan saksama terhadap semua kanak-kanak di Malaysia. SeDidik, sebuah pertubuhan di bawah Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak, melaksanakan program yang menyediakan dan menyelaras tindakan pendidikan berkesan untuk kanak-kanak di Malaysia Timur.

Melalui bantuan diberikan Kementerian Pelajaran, SeDidik mewujudkan 12 pusat prasekolah pada 2010. Tahun lalu, 30 kampung, termasuk komuniti yang mendiami rumah panjang dikenal pasti untuk terbabit dalam program ini. Hasilnya, sejumlah 2,285 kanak-kanak menghadiri sekolah penjagaan dan memperoleh pendidikan prasekolah.

Kanak-kanak berada di kawasan luar bandar Sabah juga dibantu melalui inisiatif sama. Program Prasekolah Yayasan Sabah berjaya mewujudkan 17 pusat prasekolah di kawasan pedalaman yang dikendalikan 27 guru dengan kadar kemasukan kira-kira 200 kanak-kanak.

Pengetua Tadika Wawasan Ranau (Sabah), San Yuk Ching, berkata: "Pada mulanya kebanyakan kanak-kanak ini masih tidak tahu bagaimana hendak memegang pensil atau berkawan juga menggunakan tandas. Untuk itu kami melaksanakan kaedah pembelajaran dalam suasana bermain dan melihat perubahan dalam sikap kanak-kanak ini."

Selain menangani keperluan pendidikan prasekolah, sasaran NKRA Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar juga adalah untuk membangunkan rangka kerja padu yang dapat menyediakan sokongan kepada golongan pendidik dalam sis-

tem persekolahan negara.

Atas dasar ini, Program Pembangunan Prestasi Sekolah (School Improvement Programme) (SIP) dibangunkan. Tujuannya adalah untuk mentransformasi semua sekolah, terutama yang rendah prestasi menjadi institusi pendidikan cemerlang. Di bawah program ini, sistem kutipan data berpusat dan alat *self-help* dikenali sebagai School Improvement Toolkit (SIT) membantu guru besar dan pengetua menjejaki prestasi sekolah dan mengenal pasti cabaran dihadapi.

SIT kemudian memberi sokongan kepada guru besar dan pengetua dalam mengenal pasti keutamaan, merancang dan memperuntukkan sumber dengan lebih berkesan yang akhirnya membentuk komuniti guru lebih bermotivasi dan tersusun.

SIP digabungkan dengan program Tawaran Baru (New Deals), iaitu sekolah dikategorikan kepada 7 band yang mana Band 1 adalah sekolah berprestasi terbaik manakala Band 7 adalah sekolah berprestasi paling rendah. Unit sokongan dan perkhidmatan untuk meningkatkan prestasi dan memotivasi warga sekolah yang berada di Band 6 dan 7 diwujudkan bagi mengurangkan jurang antara sekolah berprestasi paling tinggi dengan sekolah berprestasi paling rendah.

Pada 2011 ada penurunan sebanyak 40.25 peratus bagi sekolah

yang berada di Band 6 dan 7 manakala sekolah di Band 1 dan 2 menyaksikan peningkatan sebanyak 21.86 peratus.

Satu pelan komprehensif bagi menangani dengan lebih baik rangka kerja program pendidikan khas juga dalam perancangan. Pelan ini akan menangani keperluan guru, ibu bapa dan pelajar yang berkeperluan khas untuk disepadukan di dalam sistem persekolahan yang dibantu.

Dengan banyak yang sudah dicapai, usaha ini masih jauh dari selesai. Untuk 2012, sasaran NKRA Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar ditingkatkan dengan memasukkan usaha untuk meningkatkan pendaftaran pelajar pada peringkat prasekolah, menghasilkan lebih banyak Sekolah Berprestasi Tinggi dan memperkenalkan program intervensi sasaran bagi terus melatih dan memotivasi guru dalam mencapai piawai pencapaian yang lebih baik.

Muhyiddin menambah: "Dalam melangkah ke hadapan, fokus Kementerian adalah untuk terus membangunkan rakyat Malaysia yang dapat bersaing pada peringkat global melalui peningkatan mutu pendidikan dan memperbaiki kaedah penyampaian guru. Objektif kementerian adalah menghasilkan komuniti yang berfikiran kreatif dan terbuka dan dapat menyumbang kepada tenaga kerja masa depan."



MUHYIDDIN berbual dengan murid selepas majlis pengiktirafan Sekolah Berprestasi Tinggi Kohort 2 di SK Ulu Lubai, Limbang, Sarawak.